

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	Perkhidmatan Perolehan Perisian Sistem Pengurusan “Borang” Untuk Kegunaan Proses dan Aliran Kerja Dalam Talian
OBJEKTIF	:	• Meningkatkan kualiti pengurusan perkhidmatan organisasi melalui transformasi digital proses kerja. • Penjimatan kos keseluruhan melalui penambahbaikan dan kawal selia pelbagai proses kerja dalam satu sistem bersepadu. • Pembangunan borang dalam talian dapat dipercepatkan dan menjimatkan masa pemprosesan.
JUMLAH ANGGARAN KOS	:	RM 80,000.00
PERUNTUKAN	:	T5-MPB
DICADANGKAN OLEH	:	Productivity Growth DMO
KOMEN/TANDATANGAN UNIT PEROLEHAN	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

1.0 TUJUAN

- Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC bagi Perkhidmatan Perolehan Perisian Sistem Pengurusan “Borang” Untuk Kegunaan Proses dan Aliran Kerja Dalam Talian.

2.0 LATAR BELAKANG

- Perisian Sistem Pengurusan “BORANG” adalah kaedah teknologi perkhidmatan dalam talian untuk kegunaan proses dan aliran kerja.
- Kaedah teknologi ini adalah cara yang efisien untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data dengan lebih berkesan dan teratur.
- Perkhidmatan secara dalam talian ini dapat mengurangkan proses kerja secara manual dan analisis juga mudah untuk dilakukan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif untuk menjalankan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kualiti pengurusan perkhidmatan organisasi melalui transformasi digital proses kerja.
- Penjimatan kos keseluruhan melalui penambahbaikan dan kawal selia pelbagai proses kerja dalam satu sistem bersepadu.
- Pembangunan borang dalam talian dapat dipercepatkan dan menjimatkan masa pemprosesan.

4.0 JUSTIFIKASI PROJEK

- Kebanyakan pengurusan borang atas talian adalah produk luar (bukan Malaysia) dan memerlukan langganan lesen tahunan yang mahal dan bilangan borang yang terhad.
- Sistem Pengurusan “BORANG” ini akan *dideploy* di server MPC dan *source code* sistem juga akan menjadi hak milik MPC.
- Penggunaan sistem ini dapat membantu MPC menambah baik perkhidmatan

sedia ada secara manual kepada perkhidmatan atas talian yang lebih cekap.

- Proses aliran kerja boleh ditetapkan pada borang atas talian sama ada untuk tujuan rujukan, ulasan atau kelulusan. Kakitangan MPC juga boleh mengurus tugas kerja dengan mudah.
- MPC juga boleh memantau setiap serahan yang diterima secara atas talian dengan statistik dan analisa data yang tersedia. Malah laporan ini boleh diolah secara dinamik mengikut keperluan MPC.
- Semua borang atas talian yang sudah siap dihasilkan boleh terus diintegrasikan di mana-mana laman sedia ada termasuk WordPress, Drupal, Joomla, atau CMS lain.

5.0 TEMPOH PROJEK

BIL	RINGKASAN PROGRAM / AKTIVITI	Oct 2020				Nov 2020			
1	Kelulusan Projek - JPICT								
2	Penyediaan Spesifikasi Teknikal								
3	Proses Perolehan								
4	Pembangunan Projek								
5.	Uji Cuba Sistem								
6.	Penambahbaikan Sistem								
7.	Uji Cuba Sistem (Fasa 2)								
8.	Penerimaan Sistem								

6.0 ANGGARAN KOS

	Komponen Projek	Anggaran Kos / Unit (RM)	Masa	Jumlah (RM)
1.	BORANG Management System Framework	80,000.00	1 bulan	80,000.00
	i. Landing Page			
	ii. Login Page			
	iii. Account Management			
	iv. System Settings			
	v. Online Forms Builder			
	vi. Online Form Management			
2.	Deployment of Portal/Website into a Server			
3.	Content Migration			
4.	Meetings for Discussions / Info Gathering			
5.	Project Management			
6.	Consultation			
7.	Documentations			
8.	Comprehensive Training (3 days)			
9.	Support & Maintenance (1 year)			
JUMLAH				80,000.00

7.0 SYOR

Dengan ini adalah dipohon agar pihak Lembaga Pengurusan MPC mempertimbang dan meluluskan bagi pembayaran Perkhidmatan Perolehan Perisian Sistem Pengurusan “Borang” Untuk Kegunaan Proses dan Aliran Kerja Dalam Talian bernilai RM 80,000

Disediakan oleh:



Nazahiah Mohamad
Pengurus
Productivity Growth
19 Oktober 2020

Disemak oleh:



Mohamad Norjayadi Tamam
Timbalan Pengarah
Productivity Growth
19 Oktober 2020

Disokong oleh:



Suhaimi Hamad
Pengarah
Productivity Growth
19 Oktober 2020